

## **Meneroka Peranan Remaja Tidak Terkawal ke atas Isu Keluarga: Ke Arah Memahami *Self Discovery* Remaja Keluarga Disfungsi**

<sup>1</sup>Norlhuda Saron  
Nor Jana Saim,  
Fauziah Ibrahim  
Ezarina Zakaria  
Suzana Mohd Hoesni

Salina Nen  
Nasrudin Subhi  
Mohd Suhaimi Mohammad  
Khadijah Alavi  
Chong Sheau Tsuey

*Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

<sup>1</sup>Corresponding e-mail: [norul@ukm.edu.my]

There are many problems and conflicts in families that can jeopardize the development among them especially children. Previous literatures show the relationship between dysfunctional family and beyond control behaviour among children. However, the understanding on the self-discovery process is still under scrutiny; a process on how a child cope to their suffering experiences in dysfunctional family. It is believed that a teenager is the most affected in a dysfunctional family. Hence, the study aims to explore coping behaviour (explored through their roles in families) of uncontrolled teenagers on family issues. A total of 36 beyond control teenagers who were under court order and probation participated in the study. This qualitative study opted grounded approach and analytical tools; open, axial and selective coding were used during the analysis. The study found six patterns of roles of teenagers on family issues: (i) protecting, (ii) reconciling, (iii) self-separation, (v) rebelling and (vi) sacrifice. The discussion provided is to understand coping through the teenager's' roles on family issues. Positive characteristics identified in beyond control teenagers were discussed to encourage self-discovery for better development. Suggested intervention for beyond controlled teenagers and dysfunctional family is generally discussed according the pattern of identified roles.

*Keywords:* adolescent, beyond control, dysfunctional family, children's roles, self-discovery

Sehingga hari ini pelbagai masalah keluarga seperti konflik pasangan, perceraian, penderaan rumah tangga, penyalahgunaan dadah, dan seumpamanya masih berterusan berlaku dalam masyarakat. Keadaan ini menyebabkan sesebuah keluarga dikatakan tidak dapat berfungsi dengan baik atau disfungsi. Kajian-kajian banyak menunjukkan hubungan antara ketidakfungsian keluarga dengan masalah tingkah laku dan jenayah dalam kalangan kanak-kanak dan remaja (Baglivio, & Epps, 2016). Pengalaman buruk kanak-kanak atau remaja dengan pelbagai isu keluarga menyebabkan pelbagai tingkah laku berisiko yang

ditunjukkan seperti merokok, aktif alkohol, pengambilan dadah, perlakuan jenayah dan obesiti (Bellis, Lowey, Leckenby, Hughes, & Harrison, 2014; Nambile, 2017). Kajian-kajian tempatan turut menunjukkan pola yang sama seperti kajian hamil luar nikah (Saron et al., 2013) dan lari daripada rumah (Khadijah, 2012). Ketidakefungsian sesebuah keluarga juga akan menyebabkan pelbagai perasaan timbul seperti kebimbangan, masalah sosial, tingkah laku agresif dan hilangnya model peranan yang baik (Ruchkin, Eisemann, Kuposov & Hagglof, 2000; Saron et.al, 2013).

Senario seperti ini mewujudkan kesan yang lebih hebat kepada golongan kanak-kanak atau remaja berbanding ibu bapa kerana mereka menjadi mangsa kepada keadaan. Penderitaan hidup dalam keluarga disfungsi pula lebih dirasai oleh anak-anak yang sedang membesar iaitu remaja kerana mereka telah mula faham apa yang berlaku dalam keluarga mereka. Kajian yang menunjukkan bahawa ramai dalam kalangan remaja yang terlibat jenayah didapati mengalami masalah kemurungan (Burke, Mulvey, & Schubert; 2015, Ferro et al., 2011; Lim et al., 2011) menjadi indikator bahawa remaja sangat terkesan dengan persekitaran yang sangat menekan termasuklah isu keluarga. Kanak-kanak yang terdedah dengan konflik dan sering menyaksikan pertengkaran juga akan mengalami gangguan emosi dan tingkah laku yang menyebabkan mereka mempunyai masalah rendah penghargaan sendiri (Krug, Wittchen, Lieb, BeesdoBaum & Knappe, 2016) lebih mudah terjebak dengan tingkah laku antisosial (Rusell, 2011) dan cubaan bunuh diri (Sadykova et. al, 2017).

Banyak model-model seperti model perkembangan sosial (Mazerolle, 2017) dan model berasaskan komuniti (Wolff, Baglivio & Piquero, 2015) telah dirangka sebagai usaha menjadikan remaja mempunyai ketahanan diri dalam keluarga yang bermasalah seperti memberi pendidikan kepada kanak-kanak atau remaja tentang pembuatan keputusan dan berdaya tindak. Walaubagaimanapun, timbul persoalan adakah remaja hanya semata-mata menerima kesan hasil daripada ketidakfungsian keluarga tanpa memainkan sebarang peranan sebagai strategi daya tindak mereka? Apakah jalan untuk terlibat dengan jenayah itu adalah satu-satunya jalan yang telah dipilih (strategi daya tindak maladaptif) tanpa ada sebarang usaha untuk berhadapan, bersikap positif atau memainkan peranannya sebagai anak untuk memperbaiki keadaan keluarga?

Oleh yang demikian, dalam merancang sesuatu intervensi bagi remaja mahupun keluarga disfungsi, penelitian terhadap bagaimana seorang remaja berdaya tindak adalah perlu dilakukan. Remaja perlu dibantu untuk menjadikan pengalaman pahitnya bersama keluarga sebagai satu proses *self-discovery* dan berfikiran positif untuk melalui kehidupan akan datang. Maka, kajian eksploratori ini dijalankan bagi melihat bagaimana remaja yang telah terlibat dengan pelbagai masalah sosial memainkan peranan sebagai cara berdaya tindak dengan isu keluarga. Dengan memahami peranan remaja ini dapat membantu merancang pencegahan yang lebih baik terutama bagi remaja yang masih belum terlibat dengan masalah sosial dan seterusnya merangka intervensi yang bersesuaian bagi mereka yang telah terlibat melakukan tingkah laku berisiko.

## Metodologi

### Sampel Kajian

Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan dengan kriteria yang telah ditetapkan. Ia melibatkan 36 orang informan, berumur antara 11 hingga 20 tahun, tinggal di Lembah Kelang, Selangor dan merupakan remaja luar kawal yang diperintahkan oleh mahkamah di bawah pengawasan pegawai akhlak. Pengkaji telah mendapatkan keizinan daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menemu bual dan pemilihan sampel dilakukan dengan kerjasama kaunselor. Walau bagaimanapun, pengkaji tetap meminta persetujuan termaklum daripada informan sendiri untuk ditemubual dan telah menjelaskan prosedur penglibatan di peringkat awal lagi. Tiada paksaan bagi informan yang tidak merasa selesa dan tidak mahu terlibat, namun kesemua informan memberikan persetujuan dan memberikan kerjasama dengan baik.

### Reka bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kajian reka bentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan *grounded theory*. Pendekatan ini sesuai digunakan bagi mencari dan membentuk konsep yang dapat menggambarkan pola peranan remaja memandangkan ia masih kurang diteroka di Malaysia. Soalan semi struktur digunakan sebagai panduan semasa temubual dijalankan.

### Analisis Data

Dalam kajian ini, amalan membuat intepretasi dengan garis panduan yang fleksibel digunakan oleh penyelidik memandangkan pola peranan telah banyak dibincangkan dalam intervensi dan terapi keluarga di negara-negara lain. Proses pembentukan konsep dilakukan dengan menggunakan *analytical tools* seperti yang dicadangkan oleh Strauss dan Corbin (1998) bagi analisis *grounded theory*. Pada peringkat *open coding*, pengkaji mencari perkataan dan frasa-frasa penting dengan menguji makna dan meletakkannya di dalam *property* dan kemudian dimensi. Sebanyak 32 dimensi telah dikenal pasti pada peringkat awal. Kemudian, di peringkat *axial coding* pula, pengkaji telah membentuk 16 sub kategori dengan

mengaitkannya dengan dimensi yang telah dikenalpasti. Setelah itu, di peringkat *selective coding*, pengkaji menghubungkan sub kategori dengan teori-teori sedia ada dan membentuk kategori sehinggalah ia boleh dianggap tepu iaitu hingga akhirnya hanya terdapat 5 kategori sahaja. Bagi mencapai ketepuan data, pengkaji telah menilai konsep-konsep itu dalam pelbagai tahap. Pengkaji menggunakan makna-makna daripada terminologi oleh Black (1981; dalam Wampler, Downs, & Fischer, 2009) dan Wegscheider (1981) (dalam Wampler et al., 2009) dengan menggugurkan konsep yang dicadangkan, dan membentuk terminologi baru bagi menyesuaikan dengan budaya dan penerimaannya di Malaysia.

### Hasil Kajian

#### Latar belakang Informan

Kajian ini melibatkan 36 orang informan remaja luar kawal yang sedang berada di bawah pengawasan pegawai akhlak. Jadual 1 menunjukkan latar belakang demografi informan mengikut umur, jantina dan bangsa. Kebanyakan informan adalah remaja pertengahan iaitu seramai 22 orang, diikuti oleh remaja akhir iaitu seramai 10 orang dan remaja awal seramai 4 orang. Majoriti informan kajian adalah lelaki dan berbangsa Melayu.

Jadual 1  
Demografi Informan Kajian (N=36)

Ciri Demografi	Bilangan	Ciri Demografi	Bilangan
<b>Umur</b>		<b>Bangsa</b>	
Remaja Awal (11-14)	4	Melayu	32
Remaja Pertengahan (15-18)	22	Cina	3
Remaja Akhir (19-21)	10	India	1
<b>Jantina</b>			
Lelaki	34		
Perempuan	2		

Jadual 2 pula menunjukkan kesalahan yang telah dilakukan oleh informan hingga dijatuhkan perintah pengawasan. Kesalahan mencuri adalah kesalahan yang paling banyak dilakukan oleh informan berbanding kesalahan lain. Walau bagaimanapun, informan mengakui

turut terlibat dengan tingkah laku berisiko lain seperti merokok, mencuri, mencederakan orang/bergaduh, melihat video pornografi, buli, ponteng sekolah, penyalahgunaan bahan, seks, merempit dan menyamun.

Jadual 2

*Kesalahan remaja diletakkan di bawah pengawasan pegawai akhlak*

<b>Punca</b>	<b>Bilangan (n)</b>
Mencuri – motosikal, duit masjid, pecah sekolah/kedai untuk curi	12
Pecah sekolah untuk main	3
Mencabul/merogol	5
Memiliki/membeli motosikal curi	5
Bergaduh	5
Ganja	2
Samun	3
Meragut	1
Jumlah keseluruhan	36

Kajian ini juga telah dapat mengenalpasti isu-isu yang berlaku dalam keluarga informan. Isu-isu ini juga merupakan indikator kepada

ketidakfungsian keluarga informan. Jadual 3 menunjukkan isu-isu dalam keluarga yang telah dikenalpasti berlaku di dalam keluarga.

Jadual 3

*Isu Keluarga Informan Kajian*

<b>Isu Keluarga</b>	<b>Bil</b>
Bercerai	14
Sosioekonomi Rendah (B40)	31
Meminjam Ah Long	2
Alkohol/Dadah	7
Sering Berkonflik	28
Gayakeibubapaan Autoritarian	8
Ibu/Bapa meninggal dunia	2
Ibu/Bapa Melarikan Diri	4
Ibu/Bapa Strok/Sakit Kronik	4
Keganasan Dalam Keluarga	19
Anak Angkat	2
Anak Luar Nikah	1
Adik Beradik Melebihi 7 Orang	3
Tiada tempat tinggal tetap	1

## Peranan Remaja

Hasil analisis kajian menunjukkan terdapat lima tema peranan yang dimainkan oleh informan iaitu: (i) melindungi, (ii) mendamaikan, (iii) memisahkan diri, (iv) memberontak dan (v) berkorban. Daripada lima pola tersebut, peranan melindungi keluarga adalah peranan utama yang dimainkan oleh informan kajian ini. Kemudian, diikuti oleh peranan mendamaikan, memisahkan diri, memberontak dan akhirnya peranan berkorban. Bagi memahami bagaimana *self-discovery* informan, persembahan data kajian yang berbentuk naratif digunakan bagi setiap tema yang telah dikenalpasti.

### i) Melindungi

Ramai dalam kalangan informan yang sentiasa cuba melindungi ahli keluarga yang dianggap lemah seperti adik beradik dan juga ibu agar tidak ada yang menjadi mangsa keganasan daripada konflik yang berlaku. Informan 3, yang ditangkap atas kesalahan mencuri menceritakan bagaimana beliau terpaksa menjadi pelindung kepada adik beradiknya daripada dipukul oleh ayah yang merupakan seorang penagih dadah sehingga mengakibatkan tangannya patah.

*Ayah saya ni dulu ambil dadah. Pastu dia stress.. Pastu kalau apa-apa dia akan lepaskan kat saya. Dari darjah 5, darjah 6. Tingkatan 1,2,3... Dulu saya pernah patah tangan. Kira macam saya ni kalau boleh, biar saya ja yang kena daripada adik-adik saya.*

Sifat untuk melindungi ini hadir apabila informan sendiri tidak sanggup melihat adik beradiknya dipukul. Menurut informan lagi, beliau rela menjadi bahan pukulan oleh ayah dan keadaan tekanan ini

digambarkan seolah-olah informan hampir mengalami sakit mental.

*Sebab saya memang tak boleh tengok kalau adik-adik saya kena pukul. Saya takut saya buat benda yang luar batas...Sebab saya, tak kisah salah ka tak salah, anggap lah saya ni bahan nak pukul, pukul lah. Jangan pukul adik-adik. Sebab masa darjah, 5,6, dengan form 1 tu memang kerap lah. Sampai saya hampir-hampir nak mental lah. (Informan 3)*

Ekoran daripada masalah penagihan ayah dan keganasan yang dilakukan di rumah, menyebabkan Informan 3 tidak mampu menumpukan perhatian pada pelajaran dan menjadikan keadaan dirinya pula bermasalah di sekolah; “*Tu lah, and then saya macam nak tak nak pergi sekolah. Saya di sekolah kira jenis tak fokus lah. Saya fikir apa yang dia buat. So tu jadi masalah saya lah kat sekolah.*”

Informan 34 yang juga ditangkap atas kesalahan mencuri pula menceritakan pengalaman pahitnya berdepan dengan isu perceraian ibu bapa. Informan seringkali menunjukkan sifat berani untuk melindungi ibu yang dianggap mangsa keganasan ayahnya, sedangkan abangnya langsung tidak mengambil kisah untuk membantu.

*Dulu masa sebelum cerai, mak rambut panjang. Kalau gaduh, ayah potong rambut mak. Ayah tolak mak. Abang kat depan tengok tv buat bodoh je. Saya la yang tolong.. Abang macam tak nak ambik port.. Adik yang kecil sekali umur 5 tahun tu hari tu nampak ayah pukul-pukul mak depan dia. Saya cakap la nak gaduh jangan gaduh depan anak.. hari tu bergaduh pasal*

*beg. Lepas tu bergaduh depan anak lagi..*

Jauh di sudut hati informan sebenarnya beliau tidak pernah menyebelahi mana-mana pihak. Informan hanya tidak mahu sesuatu yang buruk berlaku kepada ibunya. Adakalanya informan merasa tidak mahu pulang ke rumah dan berhadapan dengan kedua ibu bapa jika mereka bergaduh;

*Salah dua-dua kot. Takde siapa betul. Dua-dua salah. Mak cakap itu ayah cakap ini. Mak cakap takde persefahaman dah. Kadang-kadang rasa malas nak balik rumah, time diorang gaduh, menjerit-jerit dalam bilik. Kalau gaduh, saya dengan adik la selalu backup takut jadi apa-apa kat mak. Abang tak. Abang malas, janji dia bahagia je.*

Bagi informan 7 yang telah dijatuhkan hukuman atas kesalahan mencuri pula, peranan melindungi ditunjukkan dengan cara memberi amaran kepada datuknya yang dianggap selalu menyakiti hati ibu. Ibunya seorang tukang cuci manakala ayahnya adalah seorang pemandu teksis.

*Memang saya time tu..entah r..saya dah tak fikir apa..saya sound dia..Sound atuk..kalau ada apa-apa jadi dekat mak..tengok la..sampai mati aku akan ingat kau..cakap cakap cakap..nasib baik ibu ok kan..*

Informan yang telah berhenti sekolah selepas tingkatan 2 ini juga melahirkan rasa penghargaan dan menganggap keluargalah tempatnya bergantung harap “*Mungkin dalam dunia ni saya dah tiada siapa-siapa kan..kawan mudah datang mudah pergi kan..sahabat apatah lagi..siapa lagi kalau bukan diorang..*” Kenyataan ini menunjukkan

informan sangat menghargai keluarga yang dimiliki. Sikapnya yang agak kasar dan tidak hormatkan orang tua didasari oleh perasaannya yang sangat ingin melindungi keluarga. Namun, informan mengakui sikap itu adalah tidak baik; “*fikir balik.. minta maaf balik kan..sebab mungkin dia nak tunjuk tapi cara dia salah dia terlampau kritik orang..macam saya tak suka orang kritik saya..saya tahu apa yang saya buat..so tak payah nak kritik..*”

Secara keseluruhannya keadaan ini menggambarkan bagaimana informan yang cuba melindungi ahli keluarga daripada keganasan merasa terganggu dan sukar fokus untuk belajar. Mereka juga merasa lemas dengan pergaduhan yang berpanjangan hingga merasa tidak mahu pulang ke rumah. Ini turut menunjukkan bahawa informan yang berperanan positif iaitu melindungi juga tidak terlepas daripada perasaan tidak gembira apabila berada di rumah.

## ii) Mendamaikan

Terdapat dalam kalangan informan yang juga memainkan peranan dengan mendamaikan ahli keluarga yang berkonflik, sama ada ibu bapa, adik beradik mahupun dengan pihak ahli keluarga yang lain seperti nenek, datuk, bapa/ibu saudara. Bagi Informan 21, yang terlibat dengan penagihan dadah sejak darjah lima, usaha untuk mendamaikan ibu bapanya yang bercerai seringkali menjadi sia-sia. Informan tahu bahawa walau apapun yang telah dilakukan, ia semua tidak akan berjaya jika ibu bapanya tidak mahu berbaik semula.

*Saya tak suka sangat kalau dia orang bergaduh. sebab saya nak suruh dia orang bersatu balik..tapi tak boleh paksa kan....waktu itu macam-macam juga saya buat..tapi, mak ayah cuba..tapi..ayah..entah..dia*

*orang..tak boleh nak paksa sangat..mak cakap..tak boleh ni..apa lah mak..tapi mak cakap ok je..ayah je..pasal ayah cakap ni..takut hutang along tu je..takut dia kacau adik-adik kan.*

Bebanan hutang yang dialami akibat sikap ibu yang meminjam wang Ah Long secara bersembunyi menjadi alasan utama mengapa ayah tidak mahu berbaik kembali; “*Dia ambil sembunyi-sembunyi..waktu itu..saya pun tak tahu..saya dah cakap dekat mak saya..kalau nak buat benda itu..cakap dulu..tapi mak..diam-diam..last-last dah lama sikit tu baru mak saya cakap yang dia ada hutang along.*” Situasi ini menunjukkan informan seorang yang bertanggungjawab untuk memastikan tindakan yang dilakukan oleh ibu adalah atas persetujuan bersama. Namun, segalanya sudah terlambat hingga menyebabkan keadaan menjadi lebih rumit kerana ibu telah terlebih dahulu meminjam wang Ah Long tanpa pengetahuan ayah.

Informan turut menyatakan penglibatannya terjebak dengan pengambilan dadah di usia muda hanya menurut ajakan kawan tanpa berfikir kesannya, namun dalam masa yang sama kenyataan beliau bahawa dadah boleh membuatkan rasa gembira berkemungkinan ada perkaitannya dengan kesedihan yang dialami atas semua situasi keluarga tanpa disedarinya secara langsung.; “*saya main ambil je bila kawan ajak.. tapi yang saya suka sebab ia macam buat saya rasa happy..*”

Informan 34 yang ditangkap atas kesalahan mencuri pula menceritakan bagaimana dia sering kali cuba mendamaikan ibu bapanya yang telah bercerai. Informan menceritakan perasaan takutnya untuk membiarkan ayah dan ibu bergaduh kerana ibu dan bapanya

seringkali berlaku salah faham dan bergaduh teruk.

*Haritu mak ikut kakak saudara pergi Cameron Highland, masa tu cerai dah. Kakak tu bawak boyfriend. Mak bawak Adam dengan Aisyah. Tidur hotel tu mak tidur dengan kakak dengan Aisyah. Abang tu tidur dengan Adam. Adam cerita dengan ayah diorang pegi Cameron. Ayah pulak salah faham. Gaduh lagi. Kadang-kadang takut biar mak dengan ayah je. Takut gaduh teruk, tak boleh kawal. . Saya lah yang kena leraikan, tapi kadang tak jalan juga bila dah tak leh kawal marah ayah tu.. Entah la ayah ni. Ego kot. Tapi still contact sebab ada anak kan.*

Perselisihan faham yang berlaku menjadi lebih sukar kerana sikap ibu bapa masing-masing yang tidak mahu mengalah. Informan memberikan contoh apabila tiba Hari Raya, masing-masing bergaduh dan salah menyalahkan;

*Masa cerai tu ayah cakap mak salah. Padahal masing-masing la. diorang ni cakap pasal orang. Diri sendiri pun sama. Bila raya pun tak pergi rumah saudara mara. Balik Bahau jela. Tapi ayah merajuk. Balik Bahau dengan ayah dengan abang semua. lepas tu dia bawak motor pegi Melaka, pergi Muar. Benda kecil je kot bukan tak boleh settle.. patut mak ikut je kata ayah tu dulu.. pandailah pujuk ayah untuk raya lepas tu..alah, boleh je.. mak tula kalau marah ayah, tak nak masaklah, merajuk, mogok.*

Dapat disimpulkan di sini bahawa informan juga mempunyai perasaan kecewa dengan ketidakharmonian yang berlaku dalam keluarga. Mereka turut mengambil peranan untuk mendamaikan namun impian untuk melihat ibu bapa kembali berbaik banyak bergantung kepada kerelaan hati ibu bapanya sendiri.

### iii) Memisahkan diri

Analisis turut mendapati terdapat juga informan yang memisahkan dirinya daripada memainkan peranan aktif dalam keluarga. Semakin informan meningkat remaja, semakin dirinya menjadi tidak mengambil peduli apa yang berlaku dalam keluarga dan komunikasi juga menjadi semakin kurang. Informan 33 yang ditangkap atas kesalahan mencuri motor menceritakan bagaimana semasa kecilnya beliau suka melawan apabila dimarahi oleh ayah, namun apabila semakin remaja, beliau hanya mendinginkan diri. Dalam masa yang sama informan tidak mahu memikirkannya kerana ia akan menambah kesakitan di dalam hati.

*Saya diam je. Kalau lawan pun bukan jadi apa...kalau fikir pun buat sakit hati...Dulu pernah la saya nak balas pukul ayah. Masa tu ayah pukul saya. Ayah tumbuk sebab saya balik lambat. Batang paip pun pernah kena. Kena pijak, kena sepak dengan ayah. Masa sekolah menengah tu saya balik rumah, ayah tanya pergi mana? Saya cakap lepak dengan kawan. Ayah bising. Saya tak boleh la kalau orang bising. Saya cepat marah. Saya bising balik. Lepas tu ayah sepak saya.*

Informan turut mengaitkan situasi yang berlaku di zaman kecilnya banyak membentuk dirinya seperti hari ini.

Ayahnya, seorang pemandu teksi sangat garang, suka merendahkan informan ditambah pula situasi ibu bapa yang sering bergaduh menyebabkan informan lebih gembira mengikut kawan berbanding berkomunikasi dengan keluarga.

*Teruk la. sebab tu saya jadi macam ni. Suka ikut kawan. Mak dari kecil tak percayakan saya. Saya kena pukul dari kecil. Bila dah besar ni tu jadi diam. Mak pernah kata saya dengan kawan boleh pulak cakap elok, dengan family tak boleh. Saya malas nak balas. Saya diam je... Pernah. Saya rasa ayah tak suka saya. Tapi saya senyap je. Malas nak cakap nanti terasa hati diorang. Sedih ke marah ke saya diam... Ayah kata tak payah bagi saya makan. Dia suka rendahkan saya...Kalau keluar rumah tak payah balik terus. Tapi saya balik jugak... Dulu selalu tengok mak ayah gaduh. Saya macam tertekan jugak la. tu saya jadi macam ni.*

Informan 32 yang ditangkap kerana menagih dadah, menceritakan pengalamannya dikongkong oleh ayah. Ayahnya seorang tukang jahit manakala ibunya seorang suri rumah. Ayah sangat tegas dalam pelajaran dan sentiasa menginginkan informan mendapat keputusan terbaik dalam kelas. Oleh sebab itu informan tidak dibenarkan keluar rumah.

*Masa sekolah rendah sampai form 1 hidup kena kongkong jugak la. kena marah, rotan...Tak tau nak cakap. Didikan ayah kat saya lain sikit. Masa sekolah dia bagi saya soalan. Takde kerja sekolah, dia akan bagi.*



*Kalau salah, kena rotan.  
Kalau ambik buku rekod,  
kedudukan kelas tak boleh  
lebih 3. Kalau tak kena  
rotan... Bila umur dah besar  
ni saya kurang cakap  
dengan family. Benda  
penting je cakap.*

Ketakutan demi ketakutan dengan bapanya menyebabkan informan melakukan sesuatu secara terpaksa. Beliau menceritakan bagaimana beliau berpura-pura solat, iaitu apabila ayah ada di hadapan mata. “*Saya ni kalau ayah ada, saya sembahyang. Ayah takde, saya tak buat.*” Dalam masa yang sama, informan tidak minat belajar dan akhirnya berhenti sekolah semasa usia 14 tahun. Ayahnya yang sangat marah memberi amaran agar informan mencari duit sendiri;

*Sejak tu ayah suruh cari duit  
sendiri, saya pun kerjalah..  
tapi ya lah saya pun ayah  
buat macam tu rasa kecil  
hati juga.. saya pun malas  
lah nak ambik tahu sangat  
hal family semua.. ayah  
macam dah tak nak ambik  
tahu hal saya..*

Di samping itu, pandangan yang diberikan oleh informan tentang dadah ganja, seolah-olah memberi refleksi ke atas dirinya yang dianggap mempunyai pelbagai masalah; “*Bagi saya orang yang sesuai hisap ganja ni, orang yang banyak masalah, banyak kerja ke. Sebab benda tu bukan kacau orang. Bila kena tu, kita duduk diam je termenung, ada masalah pun macam takde*”. Pandangan tersebut berkemungkinan hasil dari pengalaman informan yang merasa kecewa kerana bapanya tidak mengambil perhatian terhadap apa yang diminatinya, malahan selalu mengongkong dan hanya inginkan keputusan cemerlang dalam pelajaran.

Ini juga berlaku kepada Informan 28 yang ditangkap atas kesalahan menyamun.

Beliau pernah dipukul teruk oleh bapa kerana tidak mahu belajar matematik sedangkan bagi informan pada waktu itu beliau sedang merasa tidak bermotivasi kerana keputusan tidak memberangsangkan.

*Dulu saya tak minat belajar.  
Saya minat kemahiran.  
Lepas tu diorang paksa saya  
suruh belajar. Kalau  
matematik saya boleh. Tapi  
bila matematik saya dah  
down, diorang tekan saya.  
Suruh saya belajar jugak.  
Teruk gak saya kena  
bantai...Otak tak boleh kot  
kak, belajar tapi tak boleh  
dapat bagus juga..lama-  
lama macam tak semangat.  
Rasa sebab saya belajar pun  
teruk gak saya dapat.*

Pengalaman-pengalaman seperti ini berkemungkinan menyebabkan informan lebih suka memisahkan diri daripada memainkan peranan aktif dan lebih suka menyendiri apabila berada di rumah, berbanding bersama rakan yang lebih membuatkan informan merasa gembira sepertimana kenyataan informan 26 iaitu seorang anak luar nikah “*saya dah malas nak cakap apa dah.. ada saya ke tak de saya ke sama aje..lainlah member lebih faham apa saya rasa..*”

#### **iv) Memberontak**

Terdapat juga dalam kalangan informan yang berperanan memberontak terhadap isu keluarga. Bagi informan 15 yang dijatuhkan hukuman atas kesalahan mencederakan orang lain menceritakan, beliau mudah panas baran dan berasa ingin marah dalam banyak keadaan; “*Saya..tak pergi sekolah..macam..suka melawan mak..macam tu lah.. Saya ni memang senang je rasa nak marah.. cepat panas.*” Informan yang merupakan anak angkat kepada keluarga ini turut meluahkan adakalanya timbul perasaan

ingin memukul ibu bapa angkatnya “*Pandai melawan..pandai nak pukul orang tua..saya tak pergi sekolah..selalu balik malam..balik pagi..2, 1 pagi..kadang tak balik pun ada..*”

Beliau turut menceritakan ibu bapa angkatnya yang sangat sibuk berniaga makanan hingga kurang mempedulikan anak-anak. Anak-anak diminta mencari makanan sendiri. “*Diorang sibuk dengan niaga lah..Makan semua susah lah, cari duit sendiri [gerai jauh daripada kawasan rumah]..Haa..kadang-kadang, tak balik selalu..saya pergi rumah kawan..*”. Selain itu, keadaan rumah yang sempit, menyebabkan ketidakselesaan kepada informan dan lima orang adik beradiknya yang lain hingga ada dalam kalangan mereka yang tidur di tepi dinding dan di luar atau langsung tidak balik ke rumah. Kesempitan ruang juga menyebabkan mereka terpaksa tidur bercampur antara lelaki dan perempuan.

*Kadang-kadang tak balik tu pun ada juga, kadang-kadang, macam sempit kan, tak balik. tidur kat luar...kadang-kadang tidur dekat tepi dinding tu..boleh la untuk. tidur tepi dinding...Kadang diorang tidur atas katil. kadang-kadang. tidur, kalau ada tempat kosong, tidur lah diorang. tidur berhimpit, tidur..aha, campur laki perempuan.*

Informan turut menceritakan mereka perlu berdikari dan sudah biasa melakukan perkara tanpa ibu bapa. Pergi ke sekolah setiap hari dengan abang atau kakak dan adakalanya berseorangan *Pernah. Time pukul gaduh tu. Time tu saya tak ingat apa la. saya dari kecik panas baran. Mak saya tau la. saya dengan adik nombor 2 pun tak ngam.*

menaiki bas Rapid KL. Namun, informan sebenarnya suka beralih arah pergi bermain game di cybercafé dengan berpura-pura ke sekolah; “*Saya..tak pergi sekolah [ponteng] curi duit mak kawan sebab nak pergi cc [cyber café]. Duduk situ lah..pastu balik tu..buat macam baru balik dari sekolah..*”

Informan 36, yang telah meninggalkan alam persekolahan sejak tingkatan tiga lagi, dan telah ditangkap atas kesalahan merogol seringkali berhadapan dengan masalah dengan keluarga kakaknya yang tinggal serumah. Beliau menyatakan pergaduhan dalam keluarga yang disebabkan perkara yang kecil adakalanya membuatkan informan menggunakan perkataan yang kesat terhadap ibunya sendiri. Informan tidak tahan dengan sikap ibu yang sentiasa menyebelahi kakak dan anak saudaranya. “*Pukul la. maki semua. Pernah halau dia [kakak], tapi ibu cakap tak pa. ibu la selalu bela dia. Kadang-kadang marah ibu maki jugak la. Lepas tu keluar. Tak boleh duduk rumah...*”

Informan merasa tidak puas hati kerana makanan seringkali dihabiskan oleh suami dan anak saudaranya itu. “*Kadang-kadang tak cukup. Dia bagi laki, anak dia makan. Tu yang tak cukup. Bising la. duit tak banyak. Dia ambik makanan, yang lain tak dapat makan la. kadang-kadang balik tengok makanan takde. Tu yang bising tu. Gaduh biasanya sebab tu la. tu yang malas dok sini.*”

Sikap memberontak ini sebenarnya agak sukar dijelaskan kerana bagi informan 30 yang dijatuhkan hukum atas kesalahan mencuri, semasa bergaduh beliau tidak dapat berfikir panjang.

*Duduk rapat pun tak boleh. Saya nak dia duduk jauh sikit. Angin tak tentu pasal saya ni... Ada je nak marah, ada je benda tak kena.*

Hal ini mungkin dapat dikaitkan dengan temperamen seseorang remaja. Walau bagaimanapun, informan turut menyimpan hasrat untuk berjaya dalam hidup walaupun dianggap penjenayah; *“Walaupun orang anggap saya penjenayah ke apa, saya nak berjaya jugak la. walaupun saya takde SPM pun. Tu je la saya nak kan. Nak apa lagi.”*

#### v) Berkorban

Terdapat beberapa orang informan dalam kajian ini yang memainkan peranan dengan berkorban terhadap keluarga. Informan 16 yang mempunyai adik beradik seramai 8 orang terpaksa berhenti sekolah pada usia 15 tahun kerana tidak mampu untuk membeli buku. Ibunya bekerja daripada rumah dengan membuat *span* helmet manakala bapanya seorang pengawal peribadi. Informan menyatakan kebanyakan apa yang minta oleh guru tidak dapat dipenuhi oleh keluarganya; *“Tak ada apa..macam..tak ada duit nak beli buku semua..Tak ada duit nak beli...masa tu, cikgu minta apa-apa..tak boleh nak bagi..Sebab.apa..duit tak ada..Ayah..sikit-sikit bagi boleh lah..”*

Informan ini juga mempunyai sifat yang agak malu-malu dan mengakui bahawa dia selalu juga berasa malu walaupun dengan ahli keluarganya sendiri, adik beradik, ibu dan bapa apatah lagi jika berhadapan dengan orang luar. Pengkaji percaya sikap ini yang membuatkan informan banyak memendam dan sanggup berkorban demi tidak mahu menyusahkan keluarga dengan tuntutan persekolahan. Beliau begitu sukar untuk bercakap dan meluahkan perasaannya kepada sesiapa. *“Segan dengan diorang tu...dengan ibu, ayah, adik-adik. Tak tahu lah, saya kalau cakap memang segan, segan daripada dulu lagi...”* Informan mengakui keinginannya untuk meluahkan namun seringkali rasa tidak berkemampuan

kerana bimbang keluarganya tidak akan mendengar dan tidak memahami dirinya; *“rasa nak cakap..tapi tak boleh.. Takut..tak boleh nak dengar, nak faham”*

Informan 17 yang ditangkap kerana menghisap gam pula terpaksa berhenti sekolah pada usia 16 tahun akibat tidak ada pengangkutan ke sekolah. Tambahan pula beliau telah lama tidak bersekolah kerana menjaga ayahnya yang tidak dapat berjalan akibat penyakit kencing manis yang teruk. Informan mempunyai 6 orang adik beradik tiri. Ibu pula telah melarikan diri sejak kecil. Beliau dijaga oleh ibu tirinya yang bekerja sebagai tukang sapu di Hospital Ampang; *“Sebab tak ada transport nak pergi sekolah dekat Kajang. tak ada transport. lepas itu bapa saya kasi sekolah dekat sekolah teknik. Ayah sakit. first dia kencing manis, lepas tu ada strok, lepas itu dia masuk CCU, sebab heart dia weak..satu..satu bulan saya jaga juga..sebab dia kalau duduk tandas..tandas biasa kan..dia tak boleh bangun, kena angkat. Air..kalau nak minum air..saya tolong. Tak boleh angkat cawan sendiri..”*

#### Perbincangan

Kesemua pola peranan yang telah dikenalpasti menunjukkan bahawa remaja luar kawal dalam kajian ini memainkan peranan yang pelbagai dalam menghadapi isu keluarganya. Kebanyakan kajian mengenai peranan kanak-kanak dalam keluarga disfungsi termasuklah pembinaan alat ujian bagi mengukur peranan kanak-kanak adalah merujuk kepada cadangan empat peranan asas oleh Black (1981; dalam Wampler, Downs, & Fischer, 2009) dan Wegscheider (1981) (dalam Wampler et al., 2009) iaitu *hero*, *scapegoat*, *mascot* dan *lost child*. Manakala dapatan kajian yang berfokus kumpulan remaja luar kawal ini, menunjukkan bahawa peranan *mascot* tidak muncul daripada analisis tema yang dilakukan. Ini menunjukkan bahawa

remaja yang berperanan dengan ciri-ciri *mascot* berkemungkinan dapat berdaya tindak dengan lebih baik dan kurang terlibat dengan tingkah laku luar kawal.

Menurut teori strategi daya tindak yang diperkenalkan oleh Lazarus dan Folkman (1981), terdapat dua jenis daya tindak iaitu berfokus emosi dan daya tindak berfokus masalah. Hasil kajian ini melihat remaja luar kawal menggunakan kedua-dua bentuk strategi daya tindak ini. Peranan melindungi, mendamaikan dan berkorban yang dimainkan lebih berfokus kepada strategi daya tindak berfokus masalah manakala peranan memisahkan diri dan memberontak adalah strategi daya tindak berfokus emosi.

Dalam memahami *self discovery* remaja luar kawal, setiap peranan perlu diteliti. Peranan melindungi keluarga, adalah peranan yang paling banyak dimainkan oleh informan kajian ini yang terdiri daripada remaja luar kawal. Hasil analisis ini menunjukkan kebanyakan remaja luar kawal yang berperanan melindungi berkemungkinan merasa bimbang jika ada ahli keluarga yang akan menjadi mangsa kegunaan semasa berlakunya pergaduhan. Dalam Teori Sistem Emosi Keluarga, kebimbangan ahli keluarga adalah normal apabila berlaku ketidakseimbangan dalam keluarga (Papero, 1990). Selain daripada kebimbangan itu, remaja yang berperanan melindungi turut mempunyai sifat menghargai keluarga. Jika dibandingkan dengan Model Peranan Kanak-kanak oleh Black (1981) didapati bahawa ciri melindungi ini menyamai ciri 'hero'.

Dalam konteks kajian ini, walaupun remaja luar kawal dengan ciri melindungi ini boleh dianggap sebagai seorang hero, namun hasil analisis turut menunjukkan bahawa remaja yang mempunyai peranan melindungi ini tetap merasa terganggu dan memikirkan masalah keluarga apabila berada di sekolah. Ini menunjukkan

bahawa besarnya impak masalah keluarga ke atas seorang kanak-kanak, walaupun secara zahirnya kanak-kanak itu sentiasa ingin membantu dan kelihatan tidak tertekan. Kebanyakan remaja dengan peranan melindungi tersebut lebih ketara terdiri daripada keluarga yang berkonflik dan melakukan kegunaan dalam rumahtangga. Keadaan keluarga yang tidak bahagia seperti ini akan memberikan kesan yang negatif kepada jiwa remaja. Perasaan seperti tidak mahu pulang ke rumah turut dialami namun bagi remaja yang berperanan melindungi, mereka terpaksa juga untuk pulang ke rumah kerana bimbang ada ahli keluarga yang bakal menjadi mangsa jika dirinya tidak bersedia dan berada di rumah.

Selain daripada melindungi, ramai dalam kalangan remaja luar kawal yang berperanan secara positif iaitu untuk mendamaikan. Ini merupakan peranan aktif yang dimainkan dalam membantu penyelesaian masalah keluarga secara langsung. Sifat bertanggungjawab remaja untuk cuba mendamaikan dan mengambil bahagian dalam konflik yang dialami keluarga merupakan *signal* yang tidak disedari oleh ibu bapa bahawa anak-anak sebenarnya kecewa dengan ketidakharmonian yang berlaku dalam keluarga dan mahukan kedamaian dan kasih sayang daripada kedua ibu bapa mereka. Kebanyakan mereka yang berperanan mendamaikan lebih ketara dapat dilihat dalam kalangan remaja dengan ibu bapa yang bercerai dan sering berkonflik dalam rumahtangga. Kajian oleh Cummings dan Davies (2010) dan Shek (2000) mendapati bahawa ibu bapa yang tidak bahagia memberi kesan kepada anak-anak mereka. Cui, Fincham dan Pasley (2008) mengesahkan bahawa konflik perkahwinan, perceraian ibu bapa, dikaitkan dengan tingkah laku bermasalah anak. Dalam kajian ini dapat dilihat remaja luar kawal mengambil peranan untuk mendamaikan namun terpaksa akur bahawa impian untuk melihat ibu bapa

kembali harmoni banyak bergantung kepada kerelaan hati ibu bapanya sendiri. Penglibatan remaja dengan tingkah laku luar kawal berkemungkinan besar adalah hasil dari kekecewaan yang dialami setelah harapan demi harapan diletakkan ke atas keluarga.

Bagi remaja yang berperanan memisahkan diri pula, strategi daya tindak yang digunakan lebih pada pengelakan. Hasil analisis menunjukkan peranan memisahkan diri semakin terserlah apabila mereka kian remaja. Mereka akan merasa tertekan dan menjauhkan diri daripada ibu bapanya sehingga ada yang lari dari rumah untuk mencari kedamaian dan ketenangan (Khadijah et al., 2012). Dalam kajian ini mendapati remaja luar kawal yang berperanan memisahkan diri telah melalui zaman kanak-kanak yang penuh dengan hukuman daripada orang dewasa yang berkuasa seperti ayah hingga mereka sudah tidak lagi rasa seronok apabila bersama keluarga serta merasa tidak dipercayai oleh keluarga. Mereka menjadi tidak berminat untuk berkomunikasi dan melakukan aktiviti bersama keluarga. Kebanyakan daripada mereka ini adalah terdiri dalam kalangan remaja yang mempunyai keluarga dengan gaya keibubapaan authoritarian. Ibu bapa dikatakan tegas dalam memberikan hukuman kepada anak-anak mereka. Kajian tempatan oleh Zainal dan Sharani (2004) menunjukkan kesan daripada kaedah pengawalan autokratik akan menghasilkan gabungan antara pemberontakan dan pergantungan. Kajian oleh Othman dan Norazmah (2010) juga menyokong menunjukkan bahawa sikap ibu bapa yang tegas atau bersikap autokratik, sibuk bekerja, tiada sokongan sosial dalam ahli keluarga mendedahkan anak dengan masalah sosial. Kurangnya interaksi antara anak dengan ahli keluarga menyebabkan anak kehilangan tempat untuk berkongsi masalah. Anak-anak akan cenderung melibatkan diri dengan

golongan rakan yang bermasalah dan sekaligus terlibat dengan gejala sosial.

Dalam kajian ini, remaja yang berperanan memberontak pula kelihatan wujud dalam kalangan remaja yang kurang layanan dan perhatian daripada ibu bapa yang mungkin disebabkan kesibukan bekerja ataupun keluarga dengan bilangan adik beradik atau isi rumah yang ramai. Selain itu, masalah subjektif lain seperti dalam kes informan yang merupakan anak angkat menambah tekanan. Gaya keibubapaan yang penuh kasih sayang, kawalan tingkah laku dan kawalan psikologi didapati mempunyai perkaitan dengan perkembangan sosioemosi anak (Zarra-Nezhad, 2014). Pengabaian dan kurangnya perhatian terhadap remaja semasa kecilnya menyebabkan remaja merasa tertekan dan mudah marah. Sikap memberontak ini turut boleh dikaitkan dengan temperamen semulajadi seseorang remaja apabila berada dalam keadaan tertekan.

Bagi remaja yang memainkan peranan berkorban pula, kebanyakan terdiri daripada dalam kalangan keluarga yang mempunyai status sosioekonomi yang rendah. Kajian oleh Mohd Taib dan Noor Baiduri (2011) menunjukkan faktor ekonomi adalah faktor dominan untuk semua masalah yang dialami oleh kebanyakan keluarga di Malaysia. Adakalanya remaja tidak mempunyai banyak pilihan dan terpaksa menerima keputusan yang mengorbankan masa depan sendiri. Hasil kajian ini menunjukkan pengorbanan lebih ketara dilihat wujud dalam kes berhenti persekolahan ekoran ketidakmampuan keluarga. Menurut Carney et al. (2013), terdapat hubungan yang signifikan antara sosioekonomi keluarga dan kenakalan, walaupun ia kadang-kala berhubungan negatif dan positif. Sosioekonomi keluarga ini terdiri daripada faktor pekerjaan ibu bapa, pendapatan, dan tahap pendidikan. Defoe et al. (2013),

Schonberg dan Shaw (2007), Karriker-Jaffe (2011) dan Daniel et. al. (2009) turut menyokong idea bahawa sosioekonomi adalah berhubungan dengan delinkuensi. Chaudry dan Wimer (2016) turut menilai masalah sosiekonomi membawa kepada masalah perkembangan kognitif dan perkembangan pendidikan hingga boleh membawa hasil yang negatif termasuklah tingkah laku bermasalah.

Dalam merancang bentuk bantuan terhadap golongan remaja yang hidup dalam keluarga disfungsi, kemampuan seseorang remaja itu untuk memutuskan rantai ketidaktifan keluarga mereka adalah sangat penting. Ini kerana menurut Teori Sistem Keluarga oleh Bowen, kapasiti setiap seseorang untuk berkembang semasa dewasa adalah dipandu oleh pola yang dipelajari semasa mengendalikan hubungan dengan keluarga (Papero, 1990). Parillo (2008) telah mengenalpasti ciri-ciri yang perlu ada bagi seorang remaja, bagi melindungi dan meminimalkan efek negatif jangka panjang akibat keluarga disfungsi iaitu: (1) resiliensi, (2) kecerdasan, (3) lokus kawalan internal, (4) kemampuan mengenalpasti peluang untuk berubah, (5) kesedaran memiliki masa depan yang lebih baik, dan (6) kesedaran masalah keluarga dan komitmen untuk berubah. Kesemua ciri tersebut harus diterapkan di dalam mana-mana program untuk remaja. Remaja harus dibimbing agar dapat melakukan *differentiation of self* dengan lebih awal dan ini dapat mengubah cara mereka melihat keluarga sekaligus mengurangkan pergantungan kepada keluarga.

Selain daripada itu, dapat dilihat ciri peranan positif remaja luar kawal iaitu boleh melindungi, sanggup berkorban untuk keluarga, dan berusaha untuk mendamaikan, seharusnya diambil untuk dijadikan elemen intervensi bagi remaja yang telah pun terlibat dengan masalah luar kawal. Para profesional boleh

mengaplikasikan teknik penstrukturan semula kognitif dengan kombinasi realiti kekuatan sedia ada. Kekuatan-kekuatan yang dikenalpasti ini boleh diaplikasikan dalam bentuk pemikiran positif dan definisi baru terhadap keluarga mereka. Contohnya ciri melindungi boleh dipindahkan sebagai melindungi diri sendiri daripada apa sahaja perkara yang tidak sihat termasuk pengaruh keluarga yang tidak baik. Begitu juga dengan ciri mendamaikan boleh dipindahkan kepada memaafkan kesilapan dan kekecewaan yang telah dilakukan oleh ibu bapa dan sanggup berkorban bermakna kesanggupan mereka untuk berkorban perasaan untuk meninggalkan budaya keluarga mereka yang tidak sesuai dengan melakukan perubahan. Ia sangat memerlukan pengorbanan kerana cabarannya sangat besar untuk dilakukan oleh seorang remaja.

### Kesimpulan

Kesimpulannya, remaja luar kawal telah memainkan peranan yang pelbagai apabila berhadapan dengan isu keluarga. Ini menunjukkan remaja sentiasa inginkan sebuah kehidupan keluarga yang bahagia. Walau apapun peranan yang telah dimainkan namun, kesan psikologi yang terpalit akibat daripada ketidaktifan keluarga seperti kekecewaan, trauma berulang, kesakitan dari tindakan, kata-kata, dan sikap ibu bapanya masih tetap wujud. Semua pihak juga harus sedar bahawa kesan tersebut bukan hanya berlaku dalam tempoh yang singkat, sebaliknya ia memakan masa bertahun lamanya dan ia berterusan akan diwarisi daripada generasi ke generasi seterusnya. Oleh yang demikian, isu keluarga ini perlu diteliti secara serius, dikaji dari masa ke masa kerana kesannya sangat besar kepada kualiti diri kanak-kanak dan remaja yang ingin dicorakkan.

### Rujukan

- Amato, P. (2000). The consequences of divorce for adults and children. *Journal of Marriage & Family*, 62, 1269-1287.
- Arieff Salleh Rosman & Wardah Mokhtar. (2006). *Membentuk jati diri remaja*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd
- Baglivio, M. T., & Epps, N. (2016). The interrelatedness of adverse childhood experiences among high-risk juvenile offenders. *Youth Violence and Juvenile Justice*, 14(3), 179-198.
- Burke, J. D., Mulvey, E. P., & Schubert, C. A. (2015). Prevalence of mental health problems and service use among first-time juvenile offenders. *Journal of Child and Family Studies*, 24(12), 3774-3781.
- Carney, T., Myers, B. J., Louw, J., Lombard, C., & Flisher, A. J. (2013). The relationship between substance use and delinquency among high-school students in Cape Town, South Africa. *Journal of Adolescence*, 1(1), 1-9.
- Chaudry, A., & Wimer, C. (2016). Poverty is not just an indicator: The relationship between income, poverty, and child well-being. *Academic Pediatrics: Supplement*, 16(3), S23-S29.
- Cummings, E. M., & Davies, P. T. (2010). *Marital conflict and children: An emotional security perspective*. New York, NY: Guilford Press.
- Defoe, I. N., Keijsers, L., Hawk, S. T., Branje, S., Dubas, J. S., Buist, K., Frijns, T., van Aken, M. A. G., Koot, H. M., van Lier, P. A. C., & Meeus, W. (2013). Siblings versus parents and friends: Longitudinal linkages to adolescent externalizing problems. *Journal Child Psychol Psychiatry*, 54(8), 881-889.
- Flowers, R. B. (2001). *Runaway kids and teenage prostitution: America's lost, abandoned, and sexually exploited children*. USA: Praeger Publishers.
- Freedman, R. (2011). *Children of the great depression*. Paw Prints.
- Krug, S., Wittchen, H.-U., Lieb, R., Beesdo-Baum, K., & Knappe, S. (2016). Family functioning mediates the association between parental depression and low self-esteem in adolescents. *Journal of Affective Disorders*, 203, 184-189.
- Lazarus, R. S., & Folkman, S. (1984). *Stress, appraisal and coping*. New York, NY: Springer.
- Marcotte, G., Marcotte, D., & Bouffard, T. (2002). The influence of familial support and dysfunctional attitudes on depression and delinquency in an adolescent population. *European Journal of Child and Family Studies*, 11(4), 377-387.
- Mazerolle, P. (2017). *Developmental and life-course criminological theories*. Routledge.
- Mohd Taib & Noor Baiduri (2011). Issues and factors of problematic families in Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science*, 1(4), 155-159.
- Nambile, C. S. (2017). Family circumstances forcing children to run away from home in Cameroon. *Science Journal of Public Health*, 5(1), 1-9.
- Papero, D. V. (1990). *Bowen family systems theory*. Boston: Allyn and Bacon.
- Parillo, V. N. (2008). *Encyclopedia of social problems*. Thousand Oaks: SAGE Publication.
- Rees, G., & Lee, J. (2005). *Still running 2: Findings from the Second National Survey of Young Runaways*. London: The Children's Society.
- Ruchkin, V. V., Eisemann, M., Kuposov, R. A., & Hagglof, B. (2000). Family functioning, parental rearing and behavioural problems in delinquents. *Clinical Psychology and Psychotherapy*, 7, 310-319.

- Sadykova, H. N., Khairullina, N. G., Mikhailov, S. Y., Gluhih, I. N., & Pryakhina, E. N. (2017). Risk factors of development of suicidal behaviour of Tyumen teenagers. *Espacios*, 38, 40.
- Schonberg, M. A., & Shaw, D. S. (2007). Do the predictors of child conduct problems vary high- and low-level of socioeconomic and neighborhood risk? *Clinical Child and Family Psychology*, 10(2), 101-136.
- Shek, T. L. (2000). Parental marital quality, and well-being, parent-child relational quality, and Chinese adolescent adjustment. *The American Journal of Family Therapy*, 28, 147-162.
- Siegel, L. J., Welsh, B., & Senna, J. J. (2006). *Juvenile delinquency: Theory, practice, and law*. Belmont, CA: Thomson/Wadsworth.
- Steele, H., & Steele, M. (2018). *Handbook of attachment-based interventions*. New York: Guilford Press.
- Wampler, R. S., Downs, A. B., & Fischer, J. L. (2009). Development of a brief version of the Children's Roles Inventory (CRI-20). *The American Journal of Family Therapy*, 37, 287-298.
- Wolff, K. T., Baglivio, M. T., & Piquero, A. R. (2015). The relationship between adverse childhood experiences and recidivism in a sample of juvenile offenders in community-based treatment. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 61(11), 1210-1242.
- Zainal Madon & Mohd. Sharani Ahmad. (2004). *Panduan mengurus remaja moden*. PTS Publications and Distributors sdn. Bhd.
- Zarra-Nezhad, M., Kiuru, N., Aunola, K., Zarra-Nezhad, M., Ahonen, T., Poikkeus, A. M., Lerkkanen, M. K., ... Nurmi, J. E. (2014). Social withdrawal in children moderates the association between parenting styles and the children's own socioemotional development. *Journal of Child Psychology and Psychiatry, and Allied Disciplines*, 55(11), 1260-1269.